




Penerima Gelar Profesor Emeritus 2010



Sidang pertama majlis konvokesyen kali ke 12 telah membuka tirainya dengan menyaksikan penganugerahan Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Ahmat Adam. Penganugerahan ini menjadikan beliau merupakan Penerima Gelar Profesor Emeritus yang ketiga bagi Universiti Malaysia Sabah selepas Dato' Profesor Emeritus Dr. Abdul Halim Othman pada konvokesyen 2006 dan Tan Sri Datuk Seri Panglima Profesor Emeritus Dr. Abu Hassan Othman pada konvokesyen tahun 2008.

Prof. Dr. Ahmat Adam merupakan mantan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS. Beliau merupakan salah seorang yang terawal terlibat dalam proses pembangunan universiti ini. Beliau juga merupakan pengasas dan Dekan PPIB yang telah berkhidmat selama lebih kurang 12 tahun. Sumbangan beliau amat bermakna dalam memartabatkan konsep pengajian liberal melalui penawaran kursus-kursus umum Universiti dan kursus-kursus Bahasa oleh PPIB. Ucapan mengenai penerima gelar Profesor Emeritus ini telah dibacakan oleh Dekan PPIB iaitu Prof. Madya Dr. Andreas Totu.

Ucapan balas oleh penerima gelar dimulakan dengan rasa syukur dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas pengurniaan Profesor Emeritus ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada Senat UMS atas penganugerahan gelar Profesor Emeritus kepada beliau pada konvokesyen kali ini. Beliau bertekad akan berusaha sedaya upaya demi melestarikan perkembangan akademik di universiti ini.

Pengisian ucapan Prof. Dr. Ahmat Adam mempunyai makna yang amat mendalam dan perlu dihayati oleh warga universiti.

'Melihat perkembangan UMS sejak ditubuhkan, universiti ini telah berusaha bersungguh-sungguh membina suatu budaya akademik yang menjadi tradisi sejagat semua universiti. Sebagai warga kepada sebuah universiti yang berwawasan ilmiah, anggota akademik UMS tentu sedar akan betapa perlunya mendengar degupan hati rakyat yang ingin melihat universiti-universiti di tanah air seiring jalan dengan universiti-universiti tersohor di peringkat antarabangsa. Dalam suasana universiti-universiti di Malaysia dewasa ini heboh memperkatakan tentang kualiti pendidikan tinggi, saya percaya kepimpinan akademik universiti yang diterajui oleh Yang Berbahagia Naib Canselor turut sama mengambil langkah maju bagi menjadikan UMS mampu mengukir nama sebagai gedung ilmu di negara kita.'

Mencipta sebuah budaya akademik bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. Sebuah universiti harus berani menghadapi cabaran yang bertubi-tubi datangnya dalam konteks sebuah masyarakat yang sedang bergelut dengan persoalan-persoalan 'nation building' dan pemersatuhan bangsa. Ketika kebanyakan universiti menekankan kuantiti lebih dari kualiti dalam berbagai aspek akademik seperti gigih

meningkatkan angka penerbitan yang kualitinya masih ada dipertikaikan atau pun bilangan pelajar asing walaupun mereka tidak fasih dalam bahasa pengantar yang dipakai oleh universiti tertentu dan lain-lain persoalan lagi. Semuanya kerana didorong oleh hasrat untuk mencapai 'ranking' yang selesa di persada antarabangsa. Sebuah institusi seperti UMS yang mempunyai infrastruktur fizikal yang baik tentu menghadapi banyak cabaran untuk mengembangkan budaya akademik yang efektif. Cabaran utama yang sering dihadapi oleh banyak universiti di tanahair baik bersifat awam atau swasta ialah isu integriti dan 'probity' iaitu sifat-sifat telus, berkata benar, mempunyai kejujuran dan ketelusan yang tidak diragui sama sekali.

Walau betapa banyak pun bidik, perintah atau perisyntihar dari pihak berwibawa bahawa universiti perlu mencapai tahap 'world class' namun persoalan budaya akademik tidak semudah membuat perisyntihar kerana selain komitmen yang mendalam memerlukan masa untuk budaya itu berakar di sanubari para pentadbirnya, Profesor serta para pengajarannya dan pelajar-pelajarannya. Sebuah universiti yang menitikberatkan pengajaran pun tidak akan terlepas daripada tanggungjawab memberikan perhatian khusus kepada kualiti. Kualiti bukan sahaja melibatkan pengajaran tetapi penyelidikan dan penerbitan serta tidak terkecuali kualiti para pelajarannya. Namun semua ini memerlukan masa dan curahan fikiran yang serius lagi mendalam pihak-pihak yang bertanggungjawab. Di samping harus selalu berwaspada terhadap perlunya melestarikan peningkatan kualiti, komuniti akademik juga mengamalkan budaya halus pendidikan tinggi mencontohi dan menggarapi norma-norma dan nilai-nilai sejagat universiti yang terbaik iaitu menghayati kebebasan akademik dengan mengelakkan campurtangan dari pihak berkuasa yang akan merugikan dan boleh juga memundurkan sesebuah universiti. Budaya mengkorporatkan dan seiring dengan itu memperkasakan budaya komersialisasi universiti sedikit sebanyak menimbulkan 'tension' dalam dunia akademik.

Dewasa ini, dunia akademik seolah-olah budaya akademik tulen yang menggalakkan pembangunan keintelikualan dan kekreatifan berfikir semakin hari semakin terhakis. Permainan politik menambah angka yang berteraskan kuantiti tanpa menghiraukan kualiti yang boleh menyebabkan terabainya warga akademik yang merasakan apresiasi dan ganjaran sewajarnya tidak diberikan kepada yang patut dan berhak menerimanya. Agak merisaukan jika ganjaran dalam bentuk kenaikan pangkat misalnya atau perlanjutan 'tenureship' bagi mereka yang mempunyai kualiti akademik tidak dipertimbangkan padahal ia sebahagian keperluan melestarikan budaya akademik yang diamalkan oleh universiti-universiti maju. Saya percaya dan yakin UMS sedar dan telah mengambil langkah-langkah positif untuk menempa nama yang harum di masa hadapan. Dalam konteks sejarah, universiti ini masih muda usianya tetapi pada usia ini perlu merangka masa depan yang cerah. Ucapan tahniah dan syabas kepada UMS khususnya kepada graduan yang menerima diploma dan ijazah mereka masing-masing. Sebagai penutup kata, saya mendoakan agar UMS diberi petunjuk dan laluan mudah untuk memberi pengisian kepada cogan kata keramatnya 'Bertekad Cemerlang'. Sebagai gedung intelektual di negeri Di Bawah Bayu, UMS mempunyai peranan penting dan sangat besar.

.....Prof. Dr. Ahmat Adam

Berdasarkan ucapan yang disampaikan oleh penerima gelar Profesor Emeritus 2010 ini, saya selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS, berharap agar warga UMS bukan hanya menghayati bait-bait ayat berkenaan tetapi turut bersama-sama bertekad dalam melestarikan akademik ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang.

PROF. DR. AMRAN AHMED

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)